

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

### Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

### Apa itu insurans Kemalangan Diri Berkelompok?

Polisi Kemalangan Diri Berkelompok ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kejadian luaran yang ganas, tidak sengaja dan nyata.

2

### Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi, dengan RM80 setahun, setiap orang yang diinsuranskan akan menerima perlindungan berikut:**

| Polisi ini melindungi:                                                                                                                                                                                                                                                                   | Polisi ini tidak melindungi:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kematian dan/atau Hilang Upaya Kekal : RM100,000*                                                                                                                                                                                                                                        | Kematian atau sebarang kecederaan/hilang upaya yang disebabkan oleh atau yang berhubung dengan <ul style="list-style-type: none"> <li>Perang, serangan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, atau dahagi atau perebutan kuasa;</li> <li>Membunuh diri atau cubaan membunuh diri, atau kecederaan diri yang disengajakan;</li> <li>Penyakit, jangkitan, parasit, AIDS atau HIV;</li> <li>Kelahiran, keguguran, atau komplikasi kehamilan, melainkan disebabkan akibat kemalangan;</li> <li>Mabuk yang disebabkan oleh alkohol atau dadah;</li> <li>Ketika menyertai sukan profesional;</li> <li>Pekerjaan orang yang diinsuranskan sebagai anggota pasukan bersenjata, pasukan penyelamat, angkatan polis, atau krew penerbangan.</li> </ul> |
| <p>Dengan membayar premium tambahan, anda boleh meluaskan perlindungan untuk merangkumi Manfaat Pilihan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Hilang Upaya Menyeluruh Sementara dan Hilang Upaya Sebahagian Sementara</li> <li>Rawatan Perubatan dan Pembedahan</li> </ol> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| *Sila ambil perhatian bahawa Jumlah Diinsuranskan boleh diubah mengikut pilihan pemegang polisi.                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| Tempoh perlindungan orang yang diinsuranskan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini setiap tahun.                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1 300 22 5542



Lawati kami di  
<https://www.allianz.com.my/GPA>



Emel kami di  
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR  
diatas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

|                                                                  |                                          |
|------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|
| Untuk insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium: |                                          |
| Perlindungan asas                                                | <b>RM80.00 (setahun)</b>                 |
| Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM80.00               |                                          |
| Di mana ini termasuk                                             |                                          |
| Komisen                                                          | <b>25% daripada premium atau RM20.00</b> |
| Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:                  |                                          |
| Duti Setem                                                       | <b>RM10.00</b>                           |
| Cukai Perkhidmatan                                               | <b>8% daripada premium atau RM6.40</b>   |

Nota:

- Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza-beza bergantung kepada pilihan manfaat, klasifikasi pekerjaan dan apa-apa keperluan pengunderaitan.
- Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

### 4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan.
- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):**
  - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
  - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
  - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
  - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Kelayakan** – Perlindungan di bawah polisi ini boleh diperbaharui sehingga orang yang diinsuranskan berumur tujuh puluh (70) tahun.
- Pekerjaan** – Terdapat pekerjaan-pekerjaan yang tidak dilindungi di bawah polisi ini. Sila rujuk senarai pekerjaan-pekerjaan yang perlu dirujuk kepada Allianz (untuk pengunderaitan) di dalam borang cadangan.
- Waranti Premium** – Premium yang perlu bayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi ini atau endorsmen yang dikeluarkan oleh Allianz yang menetapkan permulaan perlindungan bagi orang yang diinsuranskan. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

**Nota:** Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan perlindungan anda di bawah polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz.

- Penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh kami menerima notis atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana terdahulu.
- Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan perlindungan anda di bawah polisi ini, premium akan dikembalikan secara pro-rata, dengan syarat tiada apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insuran yang semasa itu.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.